

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 7 Mei 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI PRESTASI INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN PERTAMA 2021

Indeks Volum Perkhidmatan Menyusut 3.6 Peratus pada Suku Tahun Pertama 2021

PUTRAJAYA, 7 Mei 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Pertama 2021**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan Lain.


Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Indeks Volum Perkhidmatan mengalami kejatuhan sebanyak 3.6 peratus dengan merekodkan 123.4 mata pada suku tahun pertama 2021 berbanding 127.9 mata pada suku yang sama tahun sebelumnya (Carta 1 dan Carta 2)."

Jelas beliau lagi, “Penurunan bagi sektor Perkhidmatan pada suku tahun pertama 2021 didorong oleh segmen Perkhidmatan Lain, negatif 25.2 peratus dan segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan, negatif 3.8 peratus. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun pula, Indeks Volum Perkhidmatan turut merekodkan penurunan 0.3 peratus kepada 123.4 mata berbanding suku tahun sebelumnya.”


“Indeks volum pelarasan musim bagi sektor ini mencatatkan pertumbuhan 2.3 peratus kepada 123.7 mata berbanding suku tahun sebelumnya. Segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan merupakan penyumbang utama dengan merekodkan pertumbuhan sebanyak 5.3 peratus,” tambahnya lagi.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan Dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

**Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan YoY,
ST1 2018 – ST1 2021**



**Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan QoQ,
ST1 2018 – ST1 2021**



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

7 MEI 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, May 7, 2021



MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA
FIRST QUARTER 2021

Volume Index of Services Decreases 0.3 Per Cent in First Quarter 2021

PUTRAJAYA, May 7, 2021 - The Department of Statistics, Malaysia today releases ***Volume Index of Services (2015=100), First Quarter 2021***. This publication consists of four segments namely Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment; Business Services and Finance segment; Information & Communication and Transportation & Storage segment; and Other Services segment.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Volume Index of Services experienced a fall of 0.3 per cent and recorded 123.4 points in the first quarter of 2021 as compared to 123.8 points in the previous quarter (Chart 1)."


He explained that, "The decline of the Services sector in the first quarter of 2021 was due to Others Services segment, negative 9.5 per cent and Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment,

negative 1.5 per cent. For year-on-year comparison, Volume Index of Services also recorded a decrease of 3.6 per cent to 123.4 points as compared to the same quarter of previous year.”

“Seasonally adjusted volume index of this sector recorded a growth of 2.3 per cent to 123.7 points as compared to the previous quarter. Business Services and Finance segment were the major contributors with a growth of 5.3 per cent,” he added.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face-to-face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Volume Index of Services, Q1 2018 – Q1 2021



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

7 MAY 2021